

# Sektor pertanian terjejas 10 tahun lagi

» 60 peratus petani ketika ini masuk usia 60 tahun

Oleh Zuraidah Mohamed  
zmohamed@bh.com.my

► Johor Bahru

Sektor pertanian negara dijangka terjejas teruk dalam tempoh 10 tahun lagi kerana kira-kira 60 peratus tenaga kerjanya ketika ini sudah memasuki lingkungan usia 60 tahun.

Presiden Persatuan Perlindungan dan Pembangunan Pertanian (APDAM), Datuk Dr Chai Chen Hing, berkata ketidakseimbangan dalam sektor itu ketara apabila generasi muda yang menjadi petani hanya 15 peratus dan tidak mampu mengisi kekosongan yang bakal ditinggalkan petani tua.

Ketika ini, katanya, terdapat kira-kira 500,000 petani di seluruh negara dan kekurangan tenaga



“**Kerajaan perlu pertingkatkan bantuan supaya petani mampu guna jentera dan peralatan moden bagi memastikan sektor ini tidak diambil alih tenaga kerja asing”**

**Chai Chen Hing,**  
Presiden Persatuan  
Perlindungan dan  
Pembangunan Pertanian

lalui inovasi serta penggunaan lebih banyak jentera.

“Berdasarkan kaji selidik, 60 peratus petani di negara ini berusia 60 tahun ke atas, manakala 15 peratus lagi berusia bawah 35 tahun. Kerajaan perlu pertingkatkan bantuan supaya petani mampu guna jentera dan peralatan moden bagi memastikan sektor ini tidak diambil alih tenaga kerja asing,” katanya, di sini semalam.

## Galak generasi muda

Sehubungan itu, Chen Hing meminta kerajaan memperbanyakkan program penggalakkan pertanian bagi menarik lebih ramai generasi muda menyertai sektor itu yang berpotensi menyediakan pendapatan lumayan, selain dapat menyekat petani menyewakan sebahagian tanah kepada orang luar atau diusahakan warga asing.

Terdahulu, beliau berkata, persatuan itu akan menganjurkan majlis Anugerah Kecemerlangan Agro Malaysia pada 21 Mei ini bagi mengiktiraf individu, syarikat, badan bukan kerajaan (NGO) serta ahli akademik yang banyak menyumbang kepada pembangu-